

# Buat untuk kita sendiri

## Baiki sistem penyampaian tanpa tekanan

>>Oleh Hayati Ibrahim

ya\_t@hmeyto.com.my

**P**UTRAJAYA: Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hasan, berkata proses penambahbaikan dijalankan bagi memastikan rakyat yang berurusan dengan kerajaan mendapat perkhidmatan terbaik, sekali gus melahirkan persekitaran perniagaan yang kompetitif.

“Saya mesti ulang perkara ini. Kita lakukan semua ini bukan untuk World Bank, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) atau orang lain, kita lakukan untuk diri kita sendiri... bagi memudahkan semua pihak berurusan dengan kerajaan.

“Tetapi, sekiranya proses penambahbaikan ini berjaya meningkatkan kedudukan negara kita di mana-mana senarai, ia adalah bonus berganda bagi kita.

“Ini kerana, kita sendiri yang memberi tekanan pada diri sendiri untuk berusaha memperbaiki sistem penyampaian tanpa mengira tekanan daripada World Bank,” katanya pada sidang media selepas melancarkan Laporan Tahunan Permudah di sini, semalam.

Hadir sama Pengerusi Bersama Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah), Tan Sri Yong Poh Kon.

Mohd Sidek yang juga Pengerusi Bersama Pemudah, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, juga orang paling penting yang ingin

melihat sistem penyampaian ka-kitangan kerajaan bagi memudahkan negara bersaing dengan negara lain.

Bagaimanapun, beliau berkata, laporan daripada World Bank Doing Business 2007 Report turut menyenaraikan beberapa isu atau perkara yang boleh diperbaiki.

“Kita sedang berusaha memperbaiki isu berkenaan dan saya percaya apabila keputusannya keluar kelak, mereka pasti teruja kerana negara kita tidak lagi tersenarai pada kedudukan 24, sebaliknya lebih baik,” katanya.

Baru-baru ini, World Bank Doing Business 2007 Report melaporkan Malaysia tersenarai pada kedudukan ke-24 bagi kategori negara berdaya saing menjalankan perniagaan secara keseluruhan.

Sehubungan itu, lima kumpulan fokus ditubuh untuk mengenal pasti penambahbaikan yang perlu dilaksana bagi meningkatkan kedudukan Malaysia dalam laporan itu.

Lima kumpulan fokus itu termasuk menguat kuasa kontrak, perdagangan rentas sempadan, mendaftar hartanah, pembayaran cukai dan penutupan perniagaan.

Setiap kumpulan itu mempunyai tanggungjawab tersendiri bagi memastikan sistem penyampaian kerajaan dipertingkatkan, sekali gus memperbaiki kedudukan Malaysia dalam laporan World Bank.